

13 MAY 1997

Pilihan Raya - jentera

BN ATUR 30 CERAMAH UMUM DAN LEBIH 400 CEREMAH KECIL

KUALA SELANGOR, 13 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan mengatur 30 ceramah umum dan lebih 400 ceramah kecil semasa berkempen menjelang pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Permatang dan kerusi Parlimen Kuala Selangor pada 29 Mei ini.

Tarikh penamaan calon bagi kedua-dua kawasan itu telah ditetapkan pada 20 Mei ini.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar yang bakal dilantik Menteri Besar Selangor sekiranya memenangi kerusi Permatang, berkata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengetuai beberapa orang menteri termasuk dari MIC dan MCA untuk berkempen bagi membantu calon-calon BN.

"Kehadiran TPM dan beberapa orang menteri akan memantapkan lagi jentera pilihan raya kecil BN yang kini siap sedia dari semua segi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program "anak angkat" BN di sini hari ini.

Abu Hassan berkata setakat ini lapan menteri telah bersetuju untuk menghadiri ceramah umum itu.

Dalam majlis itu, Abu Hassan yang juga Ketua Bahagian Umno Kuala Selangor mengagihkan surat penyerahan kawasan anak angkat kepada 26 Ketua Bahagian UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan yang ditugaskan berkempen di beberapa kawasan tertentu.

Beberapa ketua bahagian MCA dan MIC juga menerima surat itu untuk berkempen di kawasan yang mempunyai ramai pengundi India dan Cina.

Bagi membolehkan beliau memegang jawatan Menteri Besar, Abu Hassan yang dulunya Anggota Parlimen Kuala Selangor, bertukar kawasan dengan Datuk Jamaluddin Adnan.

Beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selepas dinamakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad untuk menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib sebagai Menteri Besar baru Selangor. Muhammad meletak jawatan pada 14 April lepas selepas dituduh di sebuah mahkamah Australia kerana gagal mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang hendak dibawanya keluar dari negara itu. -- BERNAMA

KM MAI